

11/08/2003

Umat Islam wajar teroka bioteknologi

Wan Emril Nizam Wan Embong

IDEA mewujudkan Lembah Bio adalah hasil wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terkenal dengan pemikiran memandang jauh ke depan khususnya berkaitan bioteknologi.

Ia berkait rapat dengan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang memerlukan kepakaran dan kemahiran jitu.

Justeru, sebagai rakyat Malaysia kita harus mengkaji dan menilai dasar kerajaan ke arah ini menjadikan bioteknologi satu realiti. Dunia pernah dikejutkan dengan isu kelahiran bayi perempuan 'Eve' yang dikatakan manusia pertama terhasil melalui teknologi pengklonan yang mendapat bantahan pelbagai pihak khususnya golongan agama.

Sebelum itu melalui kaedah yang sama, pelbagai spesies haiwan termasuk biri-biri dan babi 'dicipta' dengan keunikan kejuruteraan genetik ini.

Satu pelan tindakan dan institusi khusus patut diwujudkan bagi mengumpulkan pakar dalam bidang berkaitan kerana peruntukan besar disediakan kerajaan bagi memajukan bioteknologi.

Sebagaimana kita mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya, institusi khusus yang menjadikan pakar sebagai panel luar dalam bidang ini mungkin mampu memindahkan teknologi ini ke negara kita.

Satu kuliah diberikan ahli fizik terkemuka Stephen Hawking, di Rumah Putih meramalkan masa depan alaf ketiga akan melahirkan bangsa manusia baru lebih cerdas berdasarkan teori rekayasa genetik.

Beliau yakin DNA dapat menentukan perkembangan kecerdasan manusia. Beliau turut mengaitkan kecerdasan manusia dengan tingkat kompleks struktur DNA otak manusia.

Implikasinya adalah manusia harus bersedia menerima kejutan baru dan meningkatkan kualiti mental dan fizikal untuk berurusan dengan dunia sekitarnya yang semakin kompleks.

Filem Barat juga memaparkan ramalan perkembangan genetik dan perubahan biologi boleh dilakukan melalui kaedah canggih dan moden seperti dalam filem X-Men dan The 6th Day.

Ini menunjukkan gambaran awal seperti ramalan tokoh fizik Barat bahawa ilmu biotek memungkinkan penghasilan manusia 'bionik' atau genetically improved human.

Hakikatnya kaedah bioteknologi ini kalau dimanfaatkan untuk kegunaan manusia akan mendatangkan kesan luar biasa khususnya dalam kaji hayat, pertanian, pemakanan dan penternakan bagi menghasilkan produk berkualiti.

Kita yakin Perdana Menteri tidak mahu melihat rakyat ketinggalan dalam bidang baru ini dan mahu ia diteroka serta diselidik agar pengetahuan ini tidak diselewengkan oleh golongan yang ingin mengambil kesempatan.

Saya tertarik dengan karya Francis Fukuyama berjudul Our Posthuman Future: Consequences of Biotechnology Revolution yang menekankan bioteknologi dan kejuruteraan genetik akan memberi kesan menyeluruh serta drastik terhadap kehidupan manusia mendatang dan membawa dimensi baru dalam sejarah evolusi kewujudan manusia.

Ini menunjukkan sudah menjadi tanggungjawab kepada umat Islam agar menerokai dan menguasai ilmu ini agar tidak berlaku sesuatu yang dapat merubah fitrah kejadian manusia.

Kaedah ini memungkinkan 1,001 persoalan berkaitan proses kejadian manusia. Apakah suatu masa nanti teknologi ini mampu menawarkan manusia peluang dan kemampuan untuk mengubah jasad dan jiwa mereka secara organis atau fisiologis?

Persoalan lain yang timbul dalam konteks negara kita, apakah saintis dan penyelidik kita bersedia menghadapi cabaran alaf baru ini? Kita mengharapkan usaha Dr Mahathir dan kerajaan ini akan menjadikan negara kita sebagai pusat penyelidikan dan perkembangan bioteknologi terkemuka di rantau ini.

WAN EMRIL NIZAM WAN EMBONG,
Kolej Islam Pahang Sultan
Ahmad Shah, Kuantan.